



## **INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **kontrak** (Tabung Amanah) di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

### i. JAWATAN

Bil.	Jawatan	Gred	Status Jawatan	Skim Perkhidmatan	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
1	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	Kontrak (Tabung Amanah iCEPS)	Pegawai Teknologi Maklumat	RM 2,315.00	RM 9,618.00

### ii. SYARAT-SYARAT PELANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,315.00); atau
  - b) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,833.78); atau
  - c) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: : RM3,145.11).
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### iii. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta mengkaji semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan jabatan termasuk:

- a) Pembangunan sistem aplikasi
- b) Pembangunan API dan LTI
- c) Pengurusan dan pengendalian infrastruktur

### iv. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Permohonan dari pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan sijil-sijil yang **DISAHKAN** benar.
  - i. Salinan Kad Pengenalan
  - ii. Salinan Sijil Kelahiran
  - iii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah/ PT3/ PMR/ SRP/ LCE/ SPM/ SPMV/ MCE/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda atau setaraf
  - iv. Surat pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji
  - v. Dokumen berkaitan yang boleh menyokong permohonan jawatan yang berkenaan
- c. Pemohon hendaklah menyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- d. Hanya permohonan yang berjaya disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3)** bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

### v. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perjawatan Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA yang boleh dimuat turun di laman sesawang <https://iceps.uitm.edu.my> atau boleh didapati di Kaunter Khidmat Pelanggan, Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS).

Tarikh tutup permohonan pada: **09 SEPTEMBER 2022**

Sila kemukakan permohonan kepada:-

**KETUA  
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)  
ARAS 1, UiTM - MTDC TECHNOPRENEUR CENTRE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR**

No.Tel: 03 5544 8332/ 8336  
Bil.Rujukan:500-iCEPS (19/2)  
Bil. Iklan:16/2022  
Tarikh: 26/8/2022